

Jan - April 2009



JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جاتان کبودایان دان کسینان نکارا

Buletin JKKN

ISSN 2180-009X Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



Rakyat Diidahulukan
Pencapaian Diutamakan

ANUGERAH SENIMAN NEGARA

PELANCARAN SENAM SENI MALAYSIA

PROGRAM PERANTISAN MAKYONG

KURSUS JURULATIH SENI BUDAYA NEGARA (JSBN)

REGATTA LEPA KE XVI & PROGRAM MERAKYATKAN SENI BUDAYA (PMS)

ISSN 2180-009X



9 772180 009005

PENGURUSAN

Dato' Norliza Rofli
Ketua Pengarah

Mohamad Razy Mohd Noor
Timbalan Ketua Pengarah I

Tn. Hj. Mod Zaky Hj. Din
Timbalan Ketua Pengarah II

SIDANG EDITORIAL

PENYELARAS EDITORIAL
Zulkarnain Ramly

SIDANG EDITOR
Rohaniza Abdullah
Muhamad Haqkam Hariri
Doria Victoria Janiur

KREATIF

Mohd. Farid Husin
Bafti Hera Abu Bakar
Afzainizam bin Mahmad

JURUGAMBAR

Ezrina Alias
Zaman Suliman

EDITOR BERSEKUTU

Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran
Bahagian Pengembangan Seni
Bahagian Pengembangan Budaya
Bahagian Bimbingan Seni Budaya
Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
Bahagian Produksi dan Teknikal
Bahagian Perancangan dan Penyelaras
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Bahagian Pembangunan Industri Kreatif
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri - Negeri

PENYELARAS EDARAN

Hassanal Redzuan
Mohd Asyraf Yusof
Rozita Abd Rahim
Siti Anah Ambelu
Fauziah Ahmad
Badrul Hisham Mujib
Norshaheezza binti Hassan

Diterbitkan oleh

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
*Kementerian Penerangan Komunikasi
dan Kebudayaan Malaysia*

Tingkat 21-34, Bangunan MAS
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-20523600
Faks : 03 - 21634031

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my
E-mel: dokumentasi2008@gmail.com
info.budaya@gmail.com


Sidang Editorial Buletin JKKN mengalu-alukan warga JKKN atau individu yang berminat untuk memberi sumbangan dalam bentuk laporan, berita, gambar atau rencana. Sila hantarkan artikel anda ke Bahagian Dokumentasi dan Penerbitan atau e-mel terus kepada editor Buletin JKKN.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Segala bahan berupa gambar, tulisan dan ilustrasi dalam buletin ini tidak boleh disiarkan semula dalam sebarang bentuk dan sebarang cara sekalipun oleh mana - mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Kandungan

05	PEMBUKA BICARA <i>Tinta Beralun</i>
06	SEJARAH PENUBUHAN JKKN
08	PELANCARAN SENAM SENI MALAYSIA
10	KENALI TOKOH <i>Seniman Negara Hamzah Awang Mat</i>
12	ANUGERAH SENI NEGARA <i>Pengiktirafan Kerajaan Kepada Penggiat Seni Tanahair</i>
19	SIRI SEMARAK BANGASAWAN <i>Mengembalikan Kegemilangan Pementasan Bangsawan</i>
23	REGATTA LEPA KE XVI & PROGRAM MERAKYATKAN SENI BUDAYA
27	PROGRAM PERANTISAN MAKYONG <i>Satu Lagi Usaha Pemuliharaan dan Pembangunan Teater Tradisional Mak Yong oleh JKKN</i>
30	<ul style="list-style-type: none">• Kursus Jurulatih Seni Budaya• Bengkel Statistik Seni Budaya 2009• Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Badan Bukan Kerajaan
34	BUKU- BUKU CD/VCD TERBITAN JKKN
36	PEJABAT JKKN NEGERI SELURUH MALAYSIA



ANUGERAH SENI NEGA

Penerima Anugerah Seniman Negara Ke-8

YB. SENATOR TAN SRI DATUK (DR.) JINS SHAMSUDIN

Penerima – Penerima Anugerah Karyawan Seni

Muzik

PENCIPTA MUZIK NARAWI BIN HJ. RASHIDI
PENGGUBAH MUZIK KUMARESAN KARTHIGESU
PENGARAH MUZIK HJ. OMAR BIN MOHD TAIB
PEMUZIK IBRAHIM BIN SENIK

Tari

KOREOGRAFER DATIN SHARIFAH MAHANI BINTI SYED KASSIM
PENARI NORSIAH BINTI MOHD YATIM

Teater

PENULIS SKRIP ZAKARIA BIN ARIFFIN
PENGARAH FAUZIAH BINTI NAWI
PELAKON DATO' JALALUDIN BIN DATO' HJ. HASSAN
PEREKA SET BENJAMIN TAN
PENATA CAHAYA AZIZUL BIN ZAHID JAMAL

Seni Visual

DUA DIMENSI MUHAMMAD JUHARI BIN MUHAMMAD SAID
MULTI DIMENSI HASNUL JAMAL BIN SAIDON

Filem

PENGARAH FILEM DATIN PADUKA SUHAIMI BINTI BABA
PENULIS CERITA ASAL AZIZ BIN OTHMAN
PELAKON MOHAMED NOOR BIN SHAMSUDDIN



Penerima – Penerima Anugerah Bakat Muda

Muzik

PENCIPTA MUZIK LIM FANG YEE
PENGGUBAH MUZIK KAM SHI LING
PENGARAH MUZIK MOHD KAMRULBAHRI BIN HUSSIN
PEMUZIK JOHN ASHLEY THOMAS A/L JOSEPH

Tari

KOREOGRAFER A. ARIS BIN A. KADIR
PENARI DR. DHANYA THURAIRAJAH

Teater

PENULIS SKRIP SITI JASMINA BINTI IBRAHIM
PENGARAH LING LEE IAN CHRISTOPHER
PELAKON GAN HUI YEE
PEREKA SET CHONG CHUNG YONG
PENATA CAHAYA MUHAMMAD HAFIZ BIN HUSSIN

Visual

KURATOR MUDA SUSYILAWATI BINTI SULAIMAN
PENULIS MUDA RACHEL JENAGARATNAM

Filem

PENGARAH FILEM OSMAN BIN ALI
PELAKON FARID KAMIL BIN ZAHARI

Penerima – Penerima Anugerah Pendukung Seni

Sektor Media/Wartawan
BERITA HARIAN

Sektor Badan Bukan Kerajaan
PERSATUAN SENI KHAT KEBANGSAAN

Sektor Awam/Badan Berkanun
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Sektor Swasta
PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Individu
RAJA DATIN PADUKA FUZIAH BINTI RAJA TUN UDA

A photograph of two performers on stage. A man in a blue batik kemeja and a brown turban is on the left, looking towards the right. A woman in a light blue dress with a gold necklace and a yellow sash is on the right, smiling. They are both wearing microphones.

Bangsawan Musang Berjanggut

Photo by Ezlina
Marketing & Promotion Dept JKKN

SIRI SEMARAK BANGSAWAN

Mengembalikan Kegemilangan Pementasan Bangsawan

Oleh **BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI**

BANGSAWAN atau *Malay Opera* serta dikenali juga sebagai *commedia dell'arte* merupakan sebuah teater transisi yang melibatkan zaman peralihan daripada corak tradisional kepada percambahan unsur kemodenan. Bangsawan dikatakan berasal daripada rombongan pelakon lelaki dari Bombay bertawaf (pengembalaan) ke seluruh negara mempersembahkan kisah-kisah klasik Timur Tengah, Parsi dan India melalui bahasa pengantar Hindi disulami lagu-lagu Hindustan. Pementasan bangsawan dilihat sebagai sebuah persembahan yang lengkap dari aspek seni persembahan. Unsur lakonan, muzik, nyanyian, tarian dan aspek sinografi telah sedia ada untuk dipertunjukkan kepada khalayak. Unsur ini pada asalnya membawa bangsawan sebagai sebuah pementasan teater popular ketika zamannya.

Khalayak yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat, bangsa dan peringkat usia, malah menjurus kepada minat tontonan yang berbeza, akan menyaksikan keperbaikan unsur yang dipertunjukkan. Khalayak tersebut akan mengunjungi pentas bangsawan yang dipagar dengan menggunakan zink serta bayaran tiket akan dikenakan dalam lingkungan nilai RM 0.10 ke RM 0.50.

Zaman semakin berubah dan kini kegemilangan bangsawan mengalami zaman kemundurannya. Kewujudan media televisyen hitam dan putih ketika itu, telah berjaya mengatasi populariti bangsawan. Faktor pembayaran upah (gaji/saguhati) yang diterima sebagai anak panggung bangsawan terlalu sedikit serta berkais, kebanyakannya orang muda dan primadona pentas bangsawan menceburii bidang lakonan televisyen untuk mendapatkan bayaran yang lebih tinggi. Kehilangan orang muda dan primadona daripada panggung bangsawan bagaikan kehilangan penyerinya. Akibat daripada kekangan ini, kebanyakannya kumpulan bangsawan telah menarik diri dan terkubur sehingga ke hari ini.

Melihat sebagai sebuah khazanah seni persembahan yang bernilai serta keunikan yang terdapat pada unsur-unsur persembahan yang lengkap terkandung di dalam sebuah pementasan bangsawan, kini Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) mengambil inisiatif untuk mempopularkan

semula pementasan bangsawan melalui program Semarak Bangsawan yang dirancang pada tahun 2006 dan dilaksanakan pada tahun 2007 sehingga ke hari ini yang merupakan tahun ketiga.

Semarak Bangsawan dirancang dan dilaksanakan melalui dua tujuan utama iaitu untuk mewujudkan kumpulan persembahan bangsawan baru di setiap negeri dan meramaikan golongan peminat bangsawan terutamanya generasi muda. Persembahan yang melibatkan kumpulan Badan Bukan Kerajaan (BBK)/NGO dan JKKN Negeri ini dijalankan secara bulanan pada setiap minggu kedua. Setiap kumpulan diberi peluang mengadakan tiga (3) kali persembahan dan dua (2) kali latihan penuh. Pelbagai strategi dan langkah telah dirancang oleh JKKN dan telah diambil tindakan berdasarkan maklumbalas daripada khalayak (kaji selidik khalayak) serta peninjauan oleh tenaga kerja.

Langkah awal kewujudan program Semarak Bangsawan pada tahun pertama adalah untuk memberi pendedahan dan pengenalan kepada khalayak umum terutamanya generasi muda terhadap definisi bangsawan dan struktur serta bentuk pementasannya. Adakah purbawara dan sandiwara merupakan persembahan bercorak bangsawan? Hal sedemikian perlu diperjelaskan kepada generasi muda. Pementasan awal menampilkan kumpulan bangsawan yang masih terikat dengan corak pementasan dan persembahan bangsawan tradisional/klasik. Kumpulan Seni Bangsawan Bintang Timur, milikan Seniman Negara Rahman B dan Kumpulan Bangsawan Sri Kedah, milikan Pak Morad, masih menampakkan ciri-ciri bangsawan asli. ‘tak kenal maka tak cinta’.

JKKN mengambil langkah seterusnya untuk menghidupkan kumpulan-kumpulan bangsawan baru terutamanya di setiap negeri bagi mengembalikan kegemilagan bangsawan. Sasaran utama adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Kedah dan Negeri Sembilan melalui sokongan JKKN negeri masing-masing. Pada tahun 2007 sebanyak 3 buah kumpulan yang menyertai persembahan, meningkat 8 kumpulan pada tahun 2008 dan kini pada tahun 2009 sebanyak 10 buah kumpulan termasuk 4 buah kumpulan simpanan telah di kenalpasti.

Menarik minat masyarakat memerlukan strategi yang logik. Oleh itu, beberapa aspek perubahan perlu

dilaksanakan agar menyesuaikan pementasan basawan asli dengan zaman kini. Bagi melahirkan sesebuah teater yang popular, khalayak adalah aset yang paling penting. Untuk mendapatkan khalayak pada zaman kini, penyesuaian pementasan dengan zaman tidak kurang pentingnya. Namun, pendidikan dan pembelajaran ‘Pandang dan Lihat’ oleh JKKN bedasarkan persembahan terdahulu telah bersedia untuk membuat perubahan terhadap visual, konsep, cerita dan plot, masa persembahan dan aspek kekaguman serta daya tarikan sampingan di ruang masuk utama (pameran dan persembahan sisipan).

Sambutan khalayak diukur bedasarkan kajian khalayak serta pemerhatian. Pada tahun 2008, jumlah khalayak secara purata adalah seramai 7200 orang melalui 24 persembahan, 8 kumpulan berbanding 12 persembahan pada tahun sebelumnya. Kini pada tahun 2009 sehingga Mei 2009, jumlah khalayak telah meningkat kepada 4029 orang melalui 12 persembahan. Jelas dan nyata, ruang auditorium Panggung Bandaraya kini tidak dapat menampung jumlah khalayak yang semakin meningkat. Namun untuk mengekalkan Panggung Bandaraya sebagai pusat pementasan bangsawan di Kuala Lumpur, pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi menampung keperluan khalayak yang semakin meningkat. Laluan ruang auditorium telah ditambah dengan 50 buah kerusi manual untuk memastikan keselesaan khalayak.

Kini, program Semarak Bangsawan merupakan acara bulanan yang dinanti-nantikan oleh peminat bangsawan. Kini khalayak mempunyai pengetahuan terhadap persembahan yang dinamakan ‘Bangsawan’. Akan digambarkan cerita-cerita dahulu kala, mempunyai unsur-unsur tasmat, mempunyai babak pergaduhan,



pakaian yang indah-indah dan cantik, nyanyian dan komedi yang menghiburkan, serta watak utama (primadona dan orang muda) yang cantik, ayu dan tampan, serta nyanyian yang lunak diiringi tarian lembut gemalai. Inilah gambaran khalayak kini pada peringkat asas yang berjaya disemakian oleh JKKN secara tidak langsung melalui Program Semarak Bangsawan.

Dalam usaha ini, Kementerian Pelajaran juga perlu mengambil tindakan secara awalan untuk mewujudkan kelab, kelas elektif atau dalam bentuk persatuan bagi memperkembangkan ilmu serta pendidikan bangsawan di sekolah peringkat rendah. Adalah baik sekiranya beberapa modul diwujudkan oleh para budayawan bagi menyokong program sedemikian;






BAHAGIAN	PECAHAN BAHAGIAN
SEJARAH	Sejarah Asal Usul
	Sejarah Perkembangan
	Tokoh-Tokoh Bangsawan
ASPEK PERSEMBAHAN	Konsep Persembahan
	Cerita dan Teks
	Lakonan
	Sinografi Dalam Bangsawan
	Muzik Dalam Bangsawan
ADAT ISTIADAT	Adat Istiadat Raja-Raja
	Gaya dan Disiplin Lakonan
	Ritual Dalam Bangsawan

Jadual 1.1: Modul Mengikut Pecahan Bahagian Utama Dalam Pendidikan Bangsawan

MINGGU	PECAHAN BAHAGIAN
MINGGU 01	Pengenalan Modul
MINGGU 02	Sejarah Asal Usul
MINGGU 03	Sejarah Perkembangan
MINGGU 04	Tokoh-Tokoh Bangsawan
MINGGU 05	Konsep Persembahan
MINGGU 06	Cerita dan Teks
MINGGU 07	Lakonan
MINGGU 08	Sinografi Dalam Bangsawan
MINGGU 09	Muzik Dalam Bangsawan
MINGGU 10	Adat Istiadat Raja-Raja
MINGGU 11	Gaya dan Disiplin Lakonan
MINGGU 12	Ritual Dalam Bangsawan
MINGGU 13	Binga dan Gerak Silat
MINGGU 14	Senjata

Jadual 1.2: Modul Mengikut Pecahan Minggu Utama Dalam Pendidikan Elektif

JKKN akan meneruskan usaha memperkenalkan dan mempopularkan semula bangsawan seperti zaman sebelumnya. Pada masa yang akan datang, khalayak akan sanggup untuk membeli tiket bagi menyaksikan pementasan bangsawan dengan syarat, pemantauan kualiti yang berkesan terhadap kumpulan persesembahan harus dijalankan oleh urus setia Semarak Bangsawan. Sambutan yang baik akan memungkinkan persesembahan bangsawan dipanjangkan tempoh pementasan serta beralih perlaksanaannya di Istana Budaya.



Tahukah Anda?

SERUNAI

Serunai mempunyai empat bahagian iaitu pipit, mali, batang dan copong. Serunai kebanyakkan mempunyai 7 lubang petik sebagai lubang penjarian (the fingering holes) dan satu lubang petik sebagai lubang ibu jari (the thumb hole).

Pipit bagi kebanyakkan serunai di Malaysia diperbuat daripada daun lontar yang sederhana tua. Ia merupakan bahagian yang menghasilkan suara (sounding device).

Bagi serunai di kelantan, bahagian copong bahagian pangkal dan hujung badan serunai diukir dengan motif-motif alam dan diwarnakan sebagai keunggulan estetika



Regatta Lepa Ke XVI & Program Merakyatkan Seni Budaya

Oleh ABD RASHID ABDULLAH
dan AMIRULAZAM IBRAHIM



KEMENTERIAN Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah telah menganjurkan Regatta Lepa ke XVI dan Program Merakyatkan Seni Budaya di Daerah Semporna Sabah pada 18 – 09 April 2009. Tema yang dipilih untuk Regatta Lepa pada kali ini ialah "Lepa Ke Arah Lonjakan Industri Pelancongan dan Seni Budaya Negara".

Keunikan Regatta Lepa pada tahun ini juga ialah buat kali pertamanya telah hadir oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah, Yang di-Pertua Negeri Sabah dan YABhg. Toh Puan bersama Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan YABhg. Toh Puan.

Program ini bertujuan untuk mendekati rakyat melalui aktiviti diantaranya Pertandingan Lepa Tercantik, Pertandingan Ratu Lepa, Pertandingan Sukan Laut, Pameran Seni Budaya, Permainan Tradisi, Pertandingan

Mewarna dan Melukis, Persembahan Kesenian yang melibatkan bakat-bakat tempatan.

SEJARAH LEPA

Lepa dalam bahasa Bajau Pantai Timur Sabah di daerah Semporna adalah bermaksud perahu. Ia selalunya diperbuat dari kayu jenis Ubar Suluk ataupun Seraya Merah dan merupakan peninggalan budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman oleh suku Kaum Bajau Semporna. Kewujudan lepa adalah dipercayai bermula dari kaum pedagang dan pendakwah agama islam yang tinggal di kepulauan sekitar persisiran pantai daerah semporna. Walaupun ianya sudah wujud sekian lamanya, namun ia lebih dikenali setelah kawasan Tong Talun diisytiharkan sebagai daerah Semporna pada awal kurun kedua puluh ini. Sehingga hari ini, Kampung Nusalalung di Pulau Bum-Bum masih lagi menjadi pusat pembuatan lepa yang utama dan di kampung ini jugalah lepa mula dibuat sejak





dahulu kala.

Lepa ini adalah terdiri daripada beberapa bahagian. Bahagian depan yang berbentuk menajam adalah dipanggil tujjah. Badan perahu ini sendiri adalah dikenali sebagai lepa. Ia mengandungi struktur sebuah rumah yang mempunyai dinding yang dipanggil tapi dan beratapkan daun nipah yang dikenali sebagai kajang. Seluruh bahagian tengah ini adalah dipanggil pakajangan. Tempat menyangkut pengayuh pula dikenali sebagai sanga manakala bahagian belakang adalah dipanggil pemalung, biasanya sebuah lepa adalah berukuran 5 meter panjang dan 1.5 meter lebar.

Lepa adalah dilengkapkan dengan layar kain. Terdapat dua jenis layar iaitu yang dikenali sebagai lamak bua'an dan lamak kapi. Lamak Bua'an adalah lebih besar dan ianya mempunyai lekuk pada satu bahagian hujung yang menyerupai mulut ikan. Nama layar berbentuk mulut ikan ini adalah diambil sempena dengan sejenis ikan iaitu ikan bebang.

Layar yang dipanggil lamak kapi adalah lebih kecil dan berbentuk segiempat tepat. Kain untuk membuat layar ini selalunya adalah daripada kain kapas sederhana tebal. Kain yang terlalu tebal kemungkinan besar akan mengakibatkan tali layar putus atau tuang layar patah dalam keadaan angin kencang. Layar-layar yang berfungsi



sebagai perhiasan dipanggil tipas-tipas (berbentuk bendera segitiga), sambulayang dan panji-panji (berbentuk bendera segiempat tepat) dipasang pada lepa semasa majlis-majlis perkahwinan atau pesta keramaian.

Kegunaan utama lepa pada zaman dahulu adalah sebagai kenderaan (alat komunikasi) yang berfungsi kepada pedagang-pedagang tempatan untuk membawa muatan ke lain-lain tempat hingga ke Kepulauan Sulu, Borneo, Kalimantan dan Sulawesi di sekitar kurun ke 14.

Atas kesempatan ini juga, pendakwah tempatan turut mengambil peluang untuk menyebarkan agama Islam. Sebagai satu bukti untuk menyokong kenyataan ini ialah terdapatnya motif corak awan larat pada hujung lepa, hulu parang dan mimbar masjid tempatan Semporna yang dipengaruhi oleh corak tulisan khat Islam dan ia kekal hingga ke hari ini.

Lepa ini juga amat berpengaruh dalam pengembangan seni budaya tempatan. Dalam persembahan kebudayaan, alat-alat muzik tradisional ataupun tagungguh akan dimainkan di atas lepa dan ini merupakan sesuatu yang amat menarik untuk disaksikan.







Program Perantisan Mak Yong

Satu Lagi Usaha Pemuliharaan
dan Pembangunan Teater
Tradisional Mak Yong Oleh Jabatan
Kebudayaan Dan Kesenian Negara
(JKKN)



Kumpulan Perantisan Mak Yong Kijang Emas

Mak Yong merupakan kesenian tradisional Malaysia yang diangkat menjadi Warisan Dunia. Mak Yong diletak di bawah kategori *Masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity* dan telah mendapat pengiktirafan di UNESCO pada 25 November 2005. Ekoran dari itu JKKN melaksanakan program Perantisan Mak Yong di Kelantan sejak 2 Julai 2006 bagi memastikan kesinambungan kesenian tersebut. Bilangan pelatihnya yang mengikuti program ini berjumlah 26 orang. Antara jurulatih yang sedang dan telah terlibat dalam program ini Allahyarham En. Saari bin Abdullah, En. Awang Omar (Ahmad Rebab), Puan Norhayati Zakaria dan En. Awang Mat Ali.

Justeru menyambung kesinambungan yang telahpun wujud, Jabatan ini merangka satu program latihan yang disusun bertujuan membangunkan Teater Tradisional Mak Yong supaya terus popular, diminati dan yang paling

mempunyai pelapis mewarisi seni Mak Yong disamping membina peluang dan ruang kepada generasi muda untuk mengenal, menyayangi dan mendalami warisan nenek moyang khasnya kesenian Mak Yong. Jabatan ini juga ingin melihat generasi-generasi muda khusus remaja dan kanak-kanak. Justeru modul Program Mak Yong ini juga bertujuan mencungkil bakat-bakat baru yang akan menyemarakkan semula kesenian Mak Yong. Modul utama dalam Program Perantisan Mak Yong ini adalah seperti yang telah digubal pada tahun 2006 adalah terdiri daripada Aspek Pengenalan Muzik, Tarian Mak Yong, Nyanyian, Lakonan, Bahasa dan Muzik. Latihan adalah dijalankan setiap Ahad hingga Rabu bermula jam 5.00 petang hingga 7.00 petang. Latihan adalah dibawah seliaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan dan dijalankan di Studio Latihan, Lot 1547, Tingkat 1, Wisma Yusma, Jalan Long Yunus, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.


Pada tahun keempat pelaksanaan program ini telah menampakkan hasil apabila telah berjaya membuat persembahan bukan sahaja di Kelantan malah di peringkat Kebangsaan. Selain dari itu, kumpulan Mak Yong ini telah dikenali sebagai Kumpulan Mak Yong Kijang Emas JKKN. Jabatan ini dalam perancangan program Jabatan 2009 telah merangka program persembahan di luar negara dalam Penyerahan Mak Yong Luar Negara di Istana Kg.Gelam, Singapura. Ini adalah usaha berterusan Jabatan dalam menjadikan Mak Yong sebagai produk seni budaya sehingga ke peringkat antarabangsa.

Disediakan oleh:

**Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Sektor Perancangan, Penyelidikan
dan Pembangunan
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.**

Garis Panduan :

**Program Perantisan Mak Yong Negeri Kelantan.
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2005**



Kumpulan Pemuzik Perantisan Mak Yong Kijang Emas

Tahukah Anda?

MAK YONG

Mak Yong merupakan satu taridra Melayu yang unik dan halus. Ia merupakan kombinasi tarian, muzik, drama dan komedi yang dipentaskan secara keliling. Mak Yong dilahirkan di Istana Melayu kira-kira 400 tahun lalu dan kemudiannya tersebar di negeri Pantai Timur Semenanjung terutamanya Kelantan. Istilah Mak Yong berasal dari nama Mak Hiang iaitu semangat padi dan mempunyai persamaan dengan Dewi Sari, Dewi Hindu-Jawa. Awal abad ke 20, Mak Yong diiktiraf sebagai hiburan istana oleh Tengku Temenggung Ghaffar, seorang putera raja Kelantan.



Latihan Kumpulan Perantisan Mak Yong Kijang Emas di Studio Wisma Yusma Kota Bharu, Kelantan

Persembahan Kumpulan Perantisan Mak Yong Kijang Emas sempena Mak Yong Xtravaganza



Kursus Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN)

Oleh MUHAMAD HARIS ZAKARIA




Peserta-peserta
Kursus Jurulatih
Seni Budaya
Negara (JSBN)

KURSUS Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) merupakan satu kursus bagi melatih aktivis seni budaya untuk menjadi jurutunjuk atau pengajar di dalam Kelab Asuhan Seni di bawah Program Bimbingan Seni Budaya Negara (PBSN). JSBN ini akan diberi pengiktirafan dan tauliah sebagai jurulatih mengikut tahap dan bidang yang disertainya sekiranya mereka lulus di dalam ujian yang telah ditetapkan.

Program yang bermula pada 22 Disember 2005 di Klang, Selangor menjadi titik mula berkembangnya jurulatih yang telah diiktiraf oleh kerajaan bagi membimbing kelab-kelab di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) kerana sebelum tarikh tersebut belum ada lagi kursus seumpamanya yang dilaksanakan yang mengiktiraf sebagai jurulatih.

Sehingga kini JKKN telah berjaya menghasilkan seramai 1,704 orang jurulatih di seluruh negara mencakupi 6 bidang seni yang ditawarkan iaitu seni muzik tradisional, tari, teater, permainan gasing, seni visual dan mak yong. Pada tahun ini, sebanyak enam siri kursus telah berjaya dilaksanakan di beberapa tempat manakala empat kursus bagi kenaikan tahap masih dalam perancangan. Berikut merupakan kursus yang telah dilaksanakan iaitu;



Bil	Kursus	Tarikh	Tempat
1	Kursus JSBN Siri 1/2009	29 Jan – 3 Feb 09	Klang, Selangor
2	Kursus JSBN Siri 2/2009	4 – 9 Feb 09	PD, Neg. Sembilan
3	Kursus JSBN Siri 3/2009	19 – 24 Feb 09	Kota Kinabalu, Sabah
4	Kursus JSBN Siri 4/2009	3 – 8 April 09	Alor Setar, Kedah
5	Kursus JSBN Siri 5/2009	24 – 29 April 09	Kota Bharu, Kelantan
6	Kursus JSBN Siri 6/2009	5 – 10 Mei 09	Labuan

Maklumat Dan Tafsiran Logo JSBN



PENERANGAN BENTUK

Logo JSBN berbentuk empat segi bujur secara melintang dengan ukuran nisbah 1:2 antara saiz kanan/kiri dengan saiz sisi atas/bawah. Logo ini mengandungi huruf 'JSBN' dengan logo serta tulisan JKKN di sebelah kiri.

TAFSIRAN BENTUK

Huruf 'J' bermaksud 'Jurulatih'. Titik bagi huruf 'J' juga menggambarkan matlamat dan tujuan yang jitu yang ingin dicapai oleh kumpulan Jurulatih Seni Budaya Negara yang sentiasa diletakkan di hadapan mereka. Huruf 'S' membawa maksud 'Seni'. Huruf 'B' bermaksud 'Budaya' dan huruf 'N' bermaksud 'Negara'. Bunga Kekwa dan huruf JKKN di hadapan logo menggambarkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

TAFSIRAN WARNA

Warna Merah : Melambangkan keberanian setiap Jurulatih Seni Budaya Negara dalam memperjuang dan mempertahankan seni budaya tradisional Malaysia.

Warna Biru : Menggambarkan perpaduan dan kecemerlangan Jurulatih Seni Budaya Negara yang sekaligus menggambarkan perpaduan rakyat Malaysia.



Fasilitator bengkel Dr. Mahmud Hj. Abd. Wahab

BENGKEL STATISTIK SENI BUDAYA 2009

Oleh NORLELAH ABD KARIM

BAHAGIAN Penyelidikan dan Pembangunan JKKN telah menganjurkan Bengkel Statistik Seni Budaya pada 22 – 26 Mac 2009 bertempat Hotel Glory Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah dihadiri seramai 28 peserta di kalangan Pegawai Kebudayaan B44 – B27 di JKKN Ibu pejabat dan JKKN Negeri-Negeri. Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.Brs Encik Mohd Razy Mohd Nor Timbalan Ketua Pengarah I Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Bengkel selama 5 hari ini telah dikendalikan oleh fasilitator yang berpengalaman dan berkemahiran di dalam bidang kajian ini iaitu Dr. Mahmud Hj Abd Wahab (Universiti Islam Antarabangsa) dan Encik Md Fadhil Abdul Majid (AMASU (M) Sdn Bhd). Sepanjang bengkel ini, para peserta telah didedahkan dengan pembelajaran secara amali dan praktikal di peringkat asas dan pertengahan mengenai kaedah penyelidikan, prosedur pengumpulan data, pengubalan soalan kaji selidik, menganalisa data, serta memasukan dan membentuk data yang diperolehi.

Dengan penganjuran bengkel ini berpeluang untuk membimbing dan melatih para peserta mengenai pengumpulan statistik secara sistematik. Di samping itu, memberikan pemahaman dan pengetahuan yang jelas tentang pengumpulan, menganalisa dan merekod secara intensif dan tersusun maklumat dan data daripada program aktiviti JKKN dan JKKN Negeri



Sekitar Bengkel Statistik Seni Budaya



Peserta bergambar bersama fasilitator dan tetamu jemputan sempena majlis penutupan

KURSUS PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BADAN BUKAN KERAJAAN

Oleh ZURIAH BINTI MOHAMAD

PERTUBUHAN Sukarela Kebudayaan merupakan pendokong utama kepada pelaksanaan program-program yang dirancang oleh JKKN samada di peringkat daerah, negeri maupun kebangsaan. Peranan pertubuhan ini amat penting dalam membantu menjayakan program yang dilaksanakan. Berikut itu, Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Badan Bukan Kerajaan telah dilaksanakan oleh Bahagian pengukuhan Seni Budaya dengan kerjasama JKKN negeri.


Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Badan Bukan Kerajaan adalah satu program yang akan melahirkan para penggiat seni budaya yang berfikiran lateral dan kreatif dalam usaha membangunkan negara berasaskan seni dan budaya. Melalui program ini wakil-wakil dari Badan Bukan Kerajaan dan Syarikat Seni akan didekahkan



mengenai fungsi dan peranan pertubuhan sukarela kebudayaan terhadap pembangunan kebudayaan.

Objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mendedah dan memantapkan kepimpinan dan komunikasi, mewujudkan pemimpin pelapis yang sentiasa bersikap positif, bermotivasi tinggi, kreatif dan berkebolehan, serta membantu mewujudkan sistem pengurusan persatuan yang berkesan kepada ahli Badan Bukan Kerajaan.

Pelaksanaan program ini dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak, yakni Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sebagai penaung aktiviti seni budaya dan Pertubuhan Sukarela Badan Bukan Kerajaan (BBK) sebagai badan yang turut menjadi pelaksana dalam program seni dan budaya.



Sekitar kursus Pentadbiran dan Pengurusan Badan Bukan Kerajaan (BBK) di Johor

Tahukah Anda?

KOMPANG

Baluh atau bingkai kompong diperbuat daripada kayu keras seperti rangka dan belulang kulit kambing digunakan bagi regang permukaan baluh. Rotan sedak digunakan sebagai alat tala bagi menghasilkan bunyi yang baik.

Dalam penilaian kompong, sebuah kumpulan terdiri daripada tiga kumpulan mengikut peraturan, kumpulan tentana, ‘pembolong’ memainkan pola paluan khusus sebagai pukulan dasar. Kumpulan kedua sebagai ‘peningkah’ dan kumpulan ketiga sebagai ‘penyilang’.

Kompong digunakan bagi mengiringi persembahan marhaban dan juga meraikan majlis-majlis keramaian yang berunsurkan keislaman.

**BUKU-BUKU / CD / VCD TERBITAN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

KATEGORI BUKU

BIL.	TAJUK		ISBN	HARGA (RM)	KUANTITI
1.	1000 Pantun Dondang Sayang		983-41984-3-4	20.00	
2.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003			48.00	
3.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre		983-41984-9-3	35.00	
4.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan	(kulit tebal)	983-3374-02-6 (kt)	43.00	
		(kulit nipis)	983-3374-01-8	35.00	
5.	Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu		983-2579-01-5	14.00	
6.	Adat Resam Masyarakat Malaysia		983-41984-8-5	18.00	
7.	Alam Terbentang menjadi Guru		983-4225-4-3	20.00	
8.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan		983-41609-0-9	8.50	
9.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah		983-41609-1-7	8.50	
10.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung		983-3374-06-9	15.00	
11.	Siri Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia (Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia - Jilid I)		983-42225-7-4	20.00	
12.	Siri Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia (Bahasa Melayu Titian Ilmu - Jilid II)		983-42225-9-8	20.00	
13.	Siri Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia (Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Bangsa - Jilid III)		983-44252-0-3	20.00	
14.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani		967-903-062-8	12.00	
15.	Dondang Sayang Tradisi Negeri Melaka		-	10.00	
16.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia		983-3374-10-7	18.00	
17.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)		983-42225-3-6	35.00	
18.	Istiadat Naik Buai		983-41604-0-2	8.50	
19.	Istiadat Perkahwinan Melayu Perak		-	8.50	
19.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang		983-3374-00-X	78.00	
20.	Joget Lambak		-	10.00	
21.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara		983-42225-5-0	23.00	
22.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang		-	10.00	
23.	Malaysian Festivals		983-3374-18-2	25.00	
24.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita		983-3774-05-0	15.00	
	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang		983-41984-0-X	12.00	
26.	Pantun Warisan Rakyat		983-442-521-0	15.00	
27.	Penyair Laut J.M. Aziz	(kulit tebal)	983-41984-2-6	35.00	
		(kulit nipis)		30.00	
28.	Rampaian Seni Terengganu		983-2579-02-3	15.00	
29.	Resepi Nasi 100		983-42225-0-5	30.00	
30.	Sejarah Dan Perkembangan Boria Pulau Pinang		-	8.50	
31.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis		983-41583-0-0	8.50	
32.	Seri Terengganu		983-2579-02-3	25.00	
33.	Seniman Negara Ke-7 Datuk (Dr) Ahmad Nawab		983-3374-23-6	45.00	
34.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003		-	48.00	
35.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara		-	48.00	
36.	Syair Asyiqin		983-41984-1-8	12.00	
37.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire		983-41984-6-9	30.00	
38.	Syed Alwi Seniman Negara	(kulit tebal)	983-41984-4-2	52.00	
		(kulit nipis)	983-41984-5-0	30.00	
39.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu		967-903-069-5	20.00	
40.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita		983-41984-7-7	30.00	
41.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu		967-903-068-7	15.00	

KATEGORI CD/VCD/DVD

BIL.	TAJUK	KATEGORI	HARGA (RM)	KUANTITI
1.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	15.00	
2.	Senam Seni Malaysia	DVD	10.00	
3.	Dodoi Si Manja	VCD	10.00	
4.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	10.00	
5.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	10.00	
6.	Gasing Malaysia	VCD	10.00	
7.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	10.00	
8.	Kesenian Tradisi Negeri Selangor Darul Ehsan	VCD	10.00	
9.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	10.00	
10.	Manifestasi Muzik Tradisional Malaysia 2001	VCD	10.00	
11.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	10.00	
12.	Persembahan Rebana Kercing	VCD	10.00	
13.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	10.00	
14.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	10.00	
15.	Semangat Merdeka	VCD	10.00	
16.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	10.00	
17.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	CD	10.00	
18.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	VCD	10.00	
19.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	10.00	
20.	Tunas Budaya	VCD	10.00	
21.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	10.00	
22.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	15.00	
23.	Dendangan Indera Kayangan	CD	10.00	
24.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	10.00	
25.	Folk Tunes of Malaysia / Irama Lagu-Lagu Rakyat Malaysia	CD	10.00	
26.	Irama Asli (Minus One)	CD	20.00	
27.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	20.00	
28.	Keroncong	CD	10.00	
29.	Kompilasi Nasyid Budi Bahasa	CD	10.00	
30.	Lagu-Lagu Bongai	CD	10.00	
31.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	10.00	
32.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia (Zainal Abidin)	CD	10.00	
33.	Lagu-Lagu – Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	10.00	
34.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	10.00	
35.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	10.00	
36.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	10.00	

Nama Syarikat _____

Pesanahan oleh _____

Alamat _____

Tel. Pejabat _____ H/P : _____

BAHAGIAN DOKUMENTASI & PENERBITAN

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara
 Tingkat 30, Bangunan Mas,
 Jalan Sultan Ismail,
 50250 Kuala Lumpur

Pegawai yang boleh dihubungi :

03-2052 3642 (Cik Rohaniza Abdullah)
 03-2052 3643 (En Muhd Haqkam Harir)
 03-20523644 (Cik Doria Victoria Janiur)
 03-2052 3721 (Pn.Fauziah Ahmad)

No.Tel :03-2052 3600 (G/L) Fax :03- 21633859

PEJABAT JKKN NEGERI SELURUH MALAYSIA

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Perlis,
 Kompleks Taman Budaya Negeri Perlis,
 Jalan Lintasan Kangar,
 01000 Kangar,
PERLIS INDERA KAYANGAN
 No. Tel : 04-9793604
 No. Faks : 04-9770117

Pengarah,
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Kedah,
 Taman Budaya Negeri,
 Lot PTD 400, Pumpong,
 05250 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN.
 No. Tel : 04-7315930
 No. Faks : 04-7738128

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Pulau Pinang,
 Kompleks Pusaka Warisan Seni,
 Lot 2180, Jalan Rawang,
 Off Jalan P. Ramlee,
10460 PULAU PINANG
 No. Tel : 04-2817792
 No. Faks : 04-2817781

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Perak,
 Taman Budaya Negeri Perak,
 Jalan Caldwell, Off Jalan Raja Dihilir,
 30250 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN
 No. Tel : 05-2537001
 No. Faks : 05-2417017

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Selangor
 Lot 22.2, Tingkat 22, Wisma MBSA,
 Persiaran Perbandaran,
 40000 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
 No. Tel : 03-55102664
 No. Faks : 03-55102839

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Melaka
 Taman Budaya Negeri Melaka
 Lebuh Ayer Keroh,
75450 MELAKA
 No. Tel : 06-2331787
 No. Faks : 06-2331784

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Sembilan,
 Taman Budaya Negeri Sembilan,
 Jalan Sungai Ujong,
 70200 Seremban,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
 No. Tel : 06-7636308
 No. Faks : 06-7634417

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Pahang,
 Taman Budaya Negeri Pahang,
 Lot 571, Jalan Telok Sisek,
 25000 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMR
 No. Tel : 09-5178466
 No. Faks : 09-5179466

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Johor,
 Ruang 5 dan 6, Tingkat 13,
 Peti Surat 223,
 KOMTAR, Jalan Wong Ah Fook,
 80000 Johor Bahru,
JOHOR DARUL TAKZIM
 No. Tel : 07-2248270
 No. Faks : 07-2239413

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Terengganu,
 Taman Budaya Negeri Terengganu,
 Kuala Ibai,
 20400 Kuala Terengganu,
TERENGGANU DARUL IMAN
 No. Tel : 09-6178831
 No. Faks : 09-6178832

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Kelantan,
 Taman Budaya Negeri Kelantan
 Lot 1993, Seksyen 49, Tanjung Chat,
 16200 Kota Bharu,
KELANTAN DARUL NAIM.
 No. Tel : 09-7417000
 No. Faks : 09-7417004

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Sarawak,
 Tingkat 5, Bangunan Sultan Iskandar,
 Jalan Simpang Tiga,
 93300 Kuching,
SARAWAK
 No. Tel : 082-422006
 No. Faks : 082-244394

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Negeri Sabah,
 Tingkat 2, Wisma Bank Simpanan
 Nasional,
 Jalan Kemajuan, Karamunsing,
 88100 Kota Kinabalu,
SABAH
 No. Tel : 088-237052
 No. Faks : 088-242052

Pengarah
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
 Negara Wilayah Persekutuan Kuala
 Lumpur,
 Taman Budaya Kuala Lumpur
 Jalan Tun HS Lee
50300 KUALA LUMPUR.
 No. Tel : 03-20726431
 No. Faks : 03-20704064

Acara Akan Datang

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

PROGRAM	TARIKH	MASA	TEMPAT
SEMARAK BANGSAWAN : MAHSURI OLEH KUMP. BANGSAWAN SERI KEDAH	9-11 OKTOBER 2009	8.30 MALAM	PANGGUNG BANDARAYA KUALA LUMPUR
KULIAH BUDAYA: PEMBINAAN NEGARA BANGSA DAN PENERAPAN GAGASAN 1MALAYSIA Oleh: YBhg. Dato' A.Aziz bin Deraman	3 NOVEMBER 2009	9.00 PAGI	JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
SEMARAK BANGSAWAN: BAWANG PUTIH BAWANG MERAH Oleh: DBKL	13-15 NOVEMBER 2009	8.30 MALAM	PANGGUNG BANDARAYA KUALA LUMPUR
KULIAH BUDAYA: ISLAM DAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN Oleh: Y.Brs. Prof. Dr. Idris bin Zakaria	25 NOVEMBER 2009	9.00 PAGI	JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
* BINTANG IRAMA MALAYSIA	29 NOV 2009	8.30 MALAM	AUDITORIUM PERDANA ANGKASAPURI, RTM.
KULIAH BUDAYA: PUISI DALAM PEMBANGUNAN BUDAYA MUKTAHIR Oleh: Y.Brs. Dr. Lim Swee Tin	8 DIS 2009	9.00 PAGI	JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
SEMARAK BANGSAWAN : SINBAD OLEH JKKN	11-13 DIS 2009	8.30 MALAM	PANGGUNG BANDARAYA KUALA LUMPUR

* Tertakluk kepada perubahan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-20523600 atau layari laman sesawang:
www.jkkn.gov.my